



Seperti Senarai Edaran Di Lampiran

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN MENGENAI TUNTUTAN PALSU DI BAWAH SEKSYEN 18,
AKTA SPRM DAN PELAKSANAAN TATACARA PEROLEHAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan serta pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan prosedur kerja berhubung perkara-perkara berikut:

- a) Proses Permohonan Penggunaan Peruntukan Perkhidmatan Masyarakat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN) dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor; dan
- b) Pengurusan Peruntukan dan Pelantikan Ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

3. Selaras dengan laporan khidmat nasihat SPRM dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-29/2022 pada 2 November 2022 yang disahkan oleh MMKN ke-30/2022 bertarikh 9 November 2022, Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) telah menyelaraskan semula dan menambah baik pekeliling/garis panduan berkaitan berdasarkan teguran SPRM berikut:

- a) klausa mengenai tuntutan palsu di bawah seksyen 18, Akta SPRM; dan

- b) klausa mengenai pematuhan kepada PK2: Kaedah Perolehan Kerajaan.

Tuntutan Palsu.

4. Klausa berhubung tuntutan palsu berdasarkan peruntukan Seksyen 18 Akta 694 membawa maksud “ *mengemukakan dokumen yang mengandungi butir matan palsu kepada ejen untuk mengelirukan prinsipalnya merupakan kesalahan jenayah* ” telah dimasukkan di dalam dokumen-dokumen tuntutan pada pekeliling/garis panduan berkaitan. Justeru, **Pegawai Pengawal** hendaklah menjalankan **pemantauan atau pemeriksaan secara berkala** terhadap mana-mana peringkat pelaksanaan program/aktiviti/projek kecil terpilih supaya ia dijalankan sepertimana tuntutan yang telah dikemukakan selaras dengan saranan SPRM.

Tatacara Perolehan.

5. Seperti YBhg. Dato’/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengemas kini **Pekeliling 1PP – Perolehan Kerajaan: 2. Kaedah Perolehan Kerajaan** berkuat kuasa 29 November 2022. Oleh yang demikian, **Pegawai Pengawal** perlu **memastikan** penggunaan peruntukan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri Selangor (ADN) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) digunakan secara teratur dan **mematuhi tatacara perolehan dan kewangan semasa** yang berkuat kuasa.

6. Pegawai Pengawal juga perlu menyediakan **medium/platform perhubungan dua hala** dengan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) AMMKN/ADN, MPKK dan KKI agar informasi mengenai pekeliling/tatacara perolehan dan kewangan dapat dikongsi secara terus, isu-isu berbangkit mengenai peruntukan dapat diperhalusi dengan teratur dan sekali gus menutup ruang dan peluang kepada berlakunya risiko dan jenayah rasuah serta ketirisan wang awam.

Pengecualian.

7. Sebarang pengecualian kepada **penggunaan** peruntukan serta tatacara **perolehan** berkaitan peruntukan AMMKN, ADN, MPKK dan KKI perlu mendapat kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu. Permohonan pengecualian hendaklah dikemukakan kepada PDT dan seterusnya PDT akan mengangkat permohonan tersebut berserta dengan **ulasan Pegawai Pengawal** untuk pertimbangan YB Pegawai Kewangan Negeri.

Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa.


8. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah **dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil.1/2019 dan Bil.5/2022** serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

9. Keprihatinan pihak YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

Edaran Dalaman:

- i. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- ii. Bendahari Negeri Selangor
- iii. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (PPA)
- iv. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (A)

Salinan Kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Semua YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Negeri Selangor

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 13, Bangunan SSAAS
40000 SHAH ALAM.
2. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan SSAAS
40000 SHAH ALAM.
3. Timbalan Pengarah
Seksyen Agihan dan Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
Tingkat 13, Bangunan SSAAS
40503 SHAH ALAM.
4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Petaling,
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling,
No 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5,
40150 SHAH ALAM.
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak,
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai,
Bandar Baru Selayang,
68100 BATU CAVES.
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat,
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat,
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah,
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9,
43650 BANDAR BARU BANGI.

SENARAI EDARAN

7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang,
Jalan Kota,
41902 KLANG.
8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang,
Bangunan Tun Aziz,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 SEPANG.
9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat,
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah,
Kota Seri Langat (Sungai Sedu),
42700 KUALA LANGAT.
10. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor,
Kompleks Kerajaan Daerah Kuala Selangor,
45000 KUALA SELANGOR
11. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor,
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 KUALA KUBU BHARU.
12. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam,
45300 SUNGAI BESAR.